Mesej Sebelas

Bintang, Anak Lelaki, Buah Sulung, Tuaian, dan Yaspis serta Batu-batu Berharga yang Lain

Bacaan Bible: Wahi 1:20; 2:1; 12:1-11; 14:1-5; 21:9-11, 18-21

I. Pada masa kejatuhan gereja, percayawan yang setia ialah bintang-bintang yang bersinar, yang memikul kesaksian Yesus yang hidup—Wahi 1:20:

A. Kristus syurgawi ialah Bintang yang keluar daripada Yakub dan bintang fajar yang menjadi ganjaran kepada percayawan yang jayeng—Bil. 24:17; Wahi 2:28; 22:16-17.

B. Pengikut Kristus yang setia ialah bintang-bintang yang bersinar dan hidup, iaitu orang yang mengikut Kristus yang merupakan Bintang yang bersinar dan hidup—Mat. 2:2-12; Mi. 5:2; Dan. 12:3; Wahi 1:20.

C. Bintang-bintang hidup mengikut visi Kristus yang syurgawi, hidup, terkini, dan seketika itu, yang merupakan sentraliti dan universaliti ekonomi Tuhan—Kis. 26:16-18.

D. Bintang-bintang hidup ialah orang yang memberkati Tuhan dan memberkati umat Tuhan; semakin kita memuji Tuan atas umat Tuhan dan membicarakan hal-hal yang baik tentang gereja dalam iktikad, semakin kita meletakkan diri kita di bawah berkat Tuhan; orang yang berbicara secara positif tentang gereja akan menerima berkat, tetapi orang yang berbicara secara negatif meletakkan diri mereka di bawah laknat—Bil. 24:9; Ef. 1:3; Mzm. 71:14; 103:1-5; 142:7; Kej. 12:2-3; Mat. 12:34-37.

E. Bintang-bintang hidup memberi perhatian kepada kata penyabda dalam Kitab "seperti kepada pelita yang bersinar di tempat gelap" supaya Kristus yang merupakan bintang fajar akan terbit dalam hati mereka—2 Ptr. 1:19; Yoh. 6:63; Wahi 2:28.

F. Bintang-bintang hidup menikmati serta dipenuhi oleh Roh yang diperhebat tujuh kali ganda untuk menjadikan mereka sangat hidup dan bersinar dengan amat terang demi pembinaan Tuhan—3:1; 4:5; 5:6.

G. Bintang-bintang hidup ialah utusan gereja-gereja, iaitu mereka yang bertelinga untuk mendengar apa yang dikatakan Roh itu kepada gereja-gereja; mereka menikmati dan mengalami Kristus pneumatik sebagai Utusan Tuhan dan sebagai mesej segar daripada Tuhan supaya mereka dapat mendispenkan Kristus yang segar dan terkini ke dalam umat Tuhan demi kesaksian Yesus—1:20—2:1; Mal. 2:7; 3:1-3.

H. Bintang-bintang hidup mempunyai "hati yang berkeazaman besar" dan "hati yang mencari ikhtiar besar"; mereka ialah pencinta Tuhan yang seperti "bintang-bintang…dari laluannya" untuk berperang bersama dengan Tuhan menentang musuh-Nya supaya mereka dapat menjadi "seperti matahari/Apabila matahari terbit dalam keperkasaannya"—Hak. 5:15-16, 20, 31; Dan. 11:32; Mat. 13:43; bd. Dan. 7:25.

I. "Bintang yang mengembara" ialah orang yang tidak dimantapkan dengan kukuh dalam kebenaran-kebenaran wahi syurgawi yang tidak berubah itu, sebaliknya mengembara dalam kalangan umat Tuhan yang seperti bintang; untuk menjadi bintang yang stabil demi kesaksian Tuhan, kita harus berwaspada terhadap tujuh jenis orang yang merosakkan gereja—Yud. 12-13, 19; bd. 1 Kor. 3:17:

1. Amon gembira apabila rumah kudus Tuhan (mentamsilkan Kristus yang berinkarnasi itu bertabernakal di bumi sebagai tempat huni Tuhan—Yoh. 1:14) dicemarkan, apabila tanah permai (menandakan Kristus berserta segala kekayaan dan kurnia-Nya yang diberikan kepada umat Tuhan—Kol. 1:12) menjadi

tandus, dan apabila kaum Yehuda (menandakan gereja—Ibr. 3:6) dibuang sebagai tawanan; orang Amon menandakan orang yang membenci Kristus, kurnia Tuhan, dan gereja—Yeh. 25:3.

2. Orang Moab gembira apabila melihat kaum Yehuda tidak lagi terasing daripada bangsa-bangsa; dengan demikian, mereka menandakan orang yang ingin menggabungkan gereja dengan dunia dan ingin menjadikan gereja sama dengan bangsa-bangsa—ay. 8; Wahi 2:12.
3. Orang Edom ialah keturunan Esau, abang Yakub; dengan itu, mereka ialah sepupu anak-anak Israel (Kej. 36:1); Edom menandakan manusia lama yang tidak dilahirukan, manakala Israel menandakan manusia baru yang dilahirukan (Roma 6:6; Gal. 6:16; Flp. 3:3); Edom dipenuhi kebencian terhadap Israel, sentiasa mencari peluang untuk membalas dendam kesumat—Yeh. 25:12.
4. Orang Filistin hidup amat dekat dengan tanah permai, bahkan bergaul dengan orang Israel; mereka mentamsilkan manusia alamiah pada orang yang agamawi; "orang Edom" dan "orang Filistin" mengakibatkan kerosakan yang paling banyak dalam kehidupan gereja—ay. 15; 1 Kor. 3:12, 16-17.
5. Tirus mentamsilkan orang yang mencari kekayaan duniawi dan tidak menjaga kepentingan Tuhan—Yeh. 26:2; 28:12-15; bd. 1 Raj. 7:13-14.
6. Sidon ialah tumbuhan berduri yang mencucuk dan duri yang menyakitkan bagi kaum Israel; Tirus dan Sidon dianggap sebagai satu pasangan, menunjukkan bahawa jika percayawan mengasihi dunia dan mementingkan kekayaan duniawi, mereka akan menjadi tumbuhan berduri dan duri yang merosakkan kehidupan gereja, menyekat pertumbuhan hayat dalam gereja yang merupakan tanah pertanian Tuhan—Yeh. 28:21, 24; Mat. 13:22; 1 Kor. 3:9; bd. Wahi 18:13.
7. Mesir ialah bangsa yang tidak bergantung pada Tuhan tetapi pada sumbernya sendiri; orang Mesir mewakili orang yang merdeka daripada Tuhan, yang menggunakan kearifan alamiah mereka mengembangkan sumber asli mereka untuk menjadi kaya dari segi bekalan dan menjadi sumber perbekalan kepada orang lain—Yeh. 29:2-9; bd. Kel. 4:1-9.

II. Anak lelaki menandakan pejayeng yang bekerjasama dengan Kristus untuk berperang dengan musuh-Nya dan membawa masuk kingdom Tuhan—Wahi 12:1-11:

A. Cara untuk menjadi anak lelaki ialah kita diperkuat ke dalam manusia dalaman, diperkudratkan untuk mengalami kekayaan Kristus, dan menjadi kuat menerusi memakai baju zirah Tuhan melalui mendoa-baca sabda yang membunuh—Ef. 3:16, 18; 6:10-11, 17-18; Wahi 1:16; 19:13-15.

B. "Mereka telah jayeng atasnya kerana darah Anak Domba dan kerana kata kesaksian mereka, dan mereka tidak mengasihi hayat-sukma mereka bahkan sampai mati"—12:11:

1. "Darah Yesus Anak-Nya membersihkan kita daripada setiap dosa"—1 Yoh. 1:7.
2. Kata kesaksian kita ialah perisytiharan dan penghebahan fakta divin tentang kemenangan Kristus kepada orang lain—1 Kor. 12:3b; 2 Kor. 4:13.
3. Tidak mengasihi hayat-sukma kita bahkan sampai mati bermaksud bahawa kita memilih untuk mengasihi Tuan hingga kemuncak dan langsung tidak hidup melalui diri kita—Kol. 1:17, 18b.

C. Abigail mentamsilkan gereja yang bersatu dengan Kristus yang berperang untuk bertempur demi kingdom Tuhan di tengah-tengah penderitaan—Mat. 12:3; 1 Sam. 25:42:

1. Bekas suami Abigail, Nabal (bermakna "bodoh"), memperlihatkan betapa jahatnya manusia lama kita kerana meninggalkan Kristus; Nabal memandang hina, menolak, dan menentang ketika Daud miskin—ay. 10-11, 25; bd. Ams. 1:7; 13:20.
2. Apabila sifat kita yang korup, yang meninggalkan, menolak, dan memandang hina akan Kristus itu dirobohkan, kita akan menjadi pasangan Kristus yang mengikut-Nya di tengah-tengah penderitaan, berperang untuk kingdom Tuhan—1 Sam. 25:36-42; Wahi 1:9.

D. Gideon dan tiga ratus orangnya menandakan sekumpulan pejayeng yang dibaurkan, yang berperang bersama dengan Kristus untuk membawa masuk kingdom-Nya—Hak. 6:1-6, 11-35; 7:1-8, 19-25:

1. Mereka rela berkorban supaya dapat digunakan Tuhan untuk menggenapkan sabda Tuhan dan melaksanakan ekonomi-Nya—ay. 1-8; 8:4.
2. Mereka berperang dan berjerih lelah, namun seluruh jemaah mengejar musuh dan memungut tuaian, menandakan bahawa apabila kita jayeng, seluruh Tubuh akan dipulihbangkitkan—7:22—8:4; Kol. 1:24; Mzm. 128:5.

III. Para pejayeng peringkat awal merupakan orang yang mula-mula masak di ladang Tuhan, dipungut sebelum tuaian, sebagai buah sulung kepada Tuhan dan kepada Anak Domba—Wahi 14:1-5:

A. Kerapturan terutamanya bukan untuk kenikmatan kita tetapi untuk kenikmatan Tuhan; kita perlu mempersiapkan diri untuk diraptur bukan untuk kegembiraan kita tetapi untuk penggenapan tujuan Tuhan—12:5, 7-11; 14:1, 4b; 19:7.

B. Makna raptur ialah diangkat ke dalam hadirat Tuan; untuk diangkat ke dalam hadirat Tuan, kita harus berada dalam hadirat-Nya hari ini dan belajar agar mempunyai keintiman dan kemesraan dalam perhubungan kita dengan Tuan, serta mempunyai hati yang mengasihi dan menghargai Tuan demi tujuan-Nya—2 Kor. 2:10; 4:6-7; 1 Yoh. 1:3.

C. Kerapturan pejayeng adalah untuk menewaskan musuh dan memuaskan Tuhan:

1. Tuhan memerlukan kita diraptur, diangkat ke hadapan-Nya dan ke takhta-Nya, supaya kita dapat berperang menentang musuh-Nya—Wahi 12:5, 7-11.
2. Tuan memerlukan anak lelaki untuk berperang dengan musuh-Nya, namun demi kepuasan-Nya, Dia lebih-lebih lagi memerlukan buah sulung—14:1, 4b; bd. Kid. 8:6, 13-14.
3. Buah sulung merupakan tanaman Tuhan yang paling awal mencapai kematangan—Kol. 2:19; Ibr. 5:14—6:1; Ef. 4:13; Flp. 3:15; bd. Luk. 21:36.
4. Buah sulung diraptur ke rumah Tuhan di Zion untuk menjadi kenikmatan yang segar bagi Tuhan demi kepuasan-Nya—Kel. 23:19a; Im. 23:10; bd. Roma 8:23.

D. Kerapturan kita bergantung pada kematangan kita dalam hayat divin melalui kita bergerak-hidup bersama dengan Tuhan—mengambil Dia sebagai pusat dan segala-gala kita serta melakukan sesuatu menurut wahi dan pimpinan-Nya—Kej. 5:22-24; Ibr. 11:5-6.

E. Tuaian, yang menandakan majoriti percayawan, akan masak terkemudian daripada buah sulung; tuaian itu akan dituai oleh Kristus yang merupakan Penuai

menjelang akhir kesengsaraan dahsyat ketika Dia kembali, duduk di atas awan putih—Wahi 14:14-16.

IV. Percayawan jayeng dilambangkan oleh yaspis dan batu-batu berharga yang lain—21:9-11, 18-21:

A. Yaspis menandakan penampilan Tuhan yang bersinar dengan kemuliaan Tuhan sebagai cahaya Yerusalem Baru demi ekspresi Tuhan—4:3; 21:11, 18-19.

B. Batu-batu berharga yang lain menandakan kekayaan kecantikan Kristus dalam pelbagai aspek, yang menjadi asas bagi tempat huni abadi Tuhan—ay. 19-21.

C. Melalui Roh yang menghakim, Roh yang membakar, dan Roh yang mengalir—Tuan Roh—kita ditransform melalui pengalaman terhadap kekayaan Kristus sebagai Tuhan kebangkitan yang diperoleh menerusi penderitaan, tekanan yang menghauskan, dan kerja salib yang membunuh—Yes. 4:4; 11:2; Yoh. 4:14b; 2 Kor. 1:8-9.

D. Menerusi proses transformasi, kita bermegah dalam kelemahan kita dan bermegah dalam Kristus Yesus supaya kudrat Kristus sebagai kurnia dapat bertabernakal atas kita—ay. 12; 11:30-33; 12:7-9; Roma 5:3; 1 Kor. 1:29-31; Flp. 3:3.

E. Melalui pertumbuhan kita dalam hayat divin dalam Kristus yang merupakan batu hidup, kita ditransform menjadi batu-batu berharga; menerusi proses transformasi, Tuhan Tritunggal digarapkan ke dalam dan dibentuk bersama dengan kita supaya kemuliaan kurnia-Nya mendapat pujian; dengan kurnia ini Dia mengurniai kita dalam Yang Dikasihi itu agar kita menjadi Yerusalem Baru yang merupakan penutup seluruh Bible dan khabar baik kepada seluruh alam semesta—1 Ptr. 2:4; 1 Kor. 3:12a; Ef. 1:6; Wahi 21:18-21.

© 2026 Living Stream Ministry